



# MAJLIS DAERAH KERIAN

BIL. 2 / 2019  
[www.mdkerian.gov.my](http://www.mdkerian.gov.my)

BULETIN  
**MDK**



## MENARIK DI DALAM



ANUGERAH PROJEK TRANSFORMASI  
GERAI MAKANAN PBT



PERTANDINGAN KECERIAAN  
BULAN KEMERDEKAAN



PERASMIAN TAMAN LINEAR  
PARIT BUNTAR



## ANUGERAH PROJEK TRANSFORMASI KESELAMATAN MAKANAN MEDAN SELERA PBT PERINGKAT NEGERI PERAK

**14 Nov** - Majlis Pelancaran & Anugerah Projek Transformasi Keselamatan Makanan Medan Selera PBT Peringkat Negeri Perak 2018/2019 dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Perak dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh. Majlis dirasmikan oleh YB Dato' Zainal Azman bin Abu Seman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Beliau menyeru para peniaga untuk membudayakan keselamatan makanan dan semua pihak termasuk pelanggan bersama-sama memastikan kebersihan makanan dijaga. Hadir sama YBhg Datuk Bandar Ipoh, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dan Pengarah Kesihatan Negeri Perak, Dato' Dr Ding Lay Ming.

Seramai 78 pengusaha medan selera PBT di negeri ini menerima anugerah Bersih, Sihat dan Selamat (BeSS). Pengiktirafan BeSS diberikan kepada premis makanan yang mengekalkan premis bersih iaitu markah mencapai melebihi 85 peratus.

Dalam pada itu, pada majlis yang berlangsung, Medan Selera Jalan Maharaja, Bagan Serai telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Transformasi Medan Selera 360 2018/2019 bersama Medan Selera Dato' Sagor, Ipoh.

Sementara itu untuk Anugerah Medan Selera Wilayah BeSS 2018/2019 ia telah dimenangi oleh Medan Selera Dato' Sagor (Ipoh), Medan Selera Jalan Maharaja (Bagan Serai), Medan Selera Muallim (Tanjung Malim) dan Medan Selera Laksa dan Cendol (Kuala Kangsar).



## MAJLIS ANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI MAJLIS

Seramai 22 orang ahli majlis telah mengangkat sumpah menerima jawatan sebagai ahli majlis, Majlis Daerah Kerian tahun 2019/2020 bermula dari 01 Ogos 2019 sehingga 31 Julai 2021.

Pihak tertinggi majlis mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua ahli majlis yang dilantik dan diharapkan ahli majlis dapat memberi komitmen sepenuhnya dalam membantu majlis meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.



# Semarak Bulan Kemerdekaan



Sayangi  
Malaysiaku  
MalaysiaBersih

## SENAMROBIK PERDANA

**25 Jun** - Program Senamrobik Perdana telah diadakan di Dataran Pinggiran Sg. Kerian anjuran Majlis Daerah Kerian dan LA21 Kerian. Program berkenaan dibuat bertujuan memupuk keharmonian di kalangan kaum dan semangat patriotism serta mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh YB Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim Exco Kerjaan Negeri merangkap Adun Titi Serong dan YB Abdul Yunus bin Jamhari Exco kerajaan Negeri merangkap Adun Kuala Kurau dengan menyempurnakan penyerahan bendera kepada wakil setiap kaum.

Turut sama hadir di program berkenaan ialah Tuan Hj. Mohd Sabli bin Bakri Pegawai Daerah Kerian, Puan Norhafisah binti Mohamed Setiausaha Majlis Daerah Kerian dan Ahli-ahli majlis.



## KAYUHAN MERDEKA

**25 Ogos** - Satu program kayuhan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan telah diadakan di Dataran Alamanda Parit Buntar melibatkan 500 orang peserta. Program kayuhan ini turut disertai oleh YAB Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap ahli Parlimen Parit Buntar.

Program kayuhan melibatkan jarak sejauh 35 kilometer memasuki kawasan-kawasan kampung untuk memberi kesedaran dan memupuk semangat patriotism kepada masyarakat setempat.



## PROGRAM MENYUSURI SUNGAI KURAU SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH KERIAN

**22 Ogos** - Satu Program menyusuri Sungai Kurau telah diadakan sempena Sambutan Hari Kemerdekaan melibatkan Orang Besar Jajahan Negeri Perak dan semua agensi kerajaan di daerah Kerian. Program bermula di jeti perikanan Kuala Kurau dan berakhir di Kampung Padang Lalang Semanggol yang mengambil masa lebih kurang 2 jam perjalanan. Program yang pertama kali diadakan ini merupakan cetusan idea daripada Orang Besar Jajahan Kerian YDH Toh Maharaja Indera Dato Haji Khairuddin bin Arshad bagi mempromosikan keindahan Sungai Kurau dan kawasan pelancongan lain di daerah Kerian.



## KAYUHAN JALUR GEMILANG ANJURAN KEMAS

Tarikh : 12 September 2019  
Tempat : Dataran Ban Pecah,  
Tg. Piandang



## LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYANTUNI MANGSA BANJIR DAERAH KERIAN

Dato Seri Dr. Wan Azizah binti Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah meluangkan masa untuk mela-wat mangsa-mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK. Changkat Lobak mukim Beriah yang dibuka sejak 21 Oktober bagi menempatkan 149 orang mangsa daripada 35 buah keluarga. Turut sama hadir di dalam lawatan berkenaan YB. Datuk Abdul Yunus Jamhari Pengurus Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Negeri, Tuan Pegawai Daerah, Yang Dipertua Majlis dan ketua jabatan agensi teknikal negeri dan daerah.



Kawasan berkenaan dinaiki air disebabkan hujan lebat yang berterusan serta pelepasan air Tasik Bukit Merah oleh pihak JPS ke dua alur limpah (utara dan selatan) berikutan paras air di tasik itu mencecah paras amaran. Selain itu jalan di kilometer 15 hingga 16 Jalan Bagan Serai-Selama juga terpaksa ditutup untuk kenderaan ringan berikutan paras air naik.

YAB Timbalan Perdana Menteri juga turut mela-wat dan beramah mesra dengan semua mangsa serta menyampaikan sedikit sumbangan bagi meringankan beban mereka.



## YAB MENTERI MENYANTUNI WARGA KERJA MAJLIS

**22 Julai** - Majlis Daerah Kerian amat berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama). YB Menteri hadir bertujuan untuk beramah mesra dengan semua anggota kerja majlis dan mendengar taklimat daripada pihak pengurusan berkaitan perancangan pembangunan dan permasalahan yang dihadapi.

Taklimat berkaitan majlis telah disampaikan oleh Yang Dipertua Encik Helmi bin Yusof @ Jusoh. YB Menteri juga sempat meluangkan masa untuk mela-wat sekitar bangunan majlis sebelum menyampaikan amanat kepada seluruh anggota kerja yang hadir.



## PELAKSANAAN GERAK KERJA *Program Rakan Taman*



Tarikh	: 1 Disember 2019
Tempat	: Taman Serai Permai, Bagan Serai
Tujuan	: Penyerahan alatan Rakan Taman, gotong royong mengalih wakaf di kawasan lapang serta pemangkasan pokok-pokok, pembersihan bahu jalan taman, penanam benih pokok di Kebun Kejiran

Tarikh  
Tempat  
Tujuan

: 1 Disember 2019  
: Taman Serai Permai, Bagan Serai  
: Penyerahan alatan Rakan Taman, gotong royong mengalih wakaf di kawasan lapang serta pemangkasan pokok-pokok, pembersihan bahu jalan taman, penanam benih pokok di Kebun Kejiran

### PERASMIAN TAMAN LINEAR PARIT BUNTAR

20 Disember - Perasmian Taman Linear Parit Buntar telah disempurnakan oleh Exco Kerajaan Negeri Perak YB Encik Hasnul Zulkarnain bin Abdul Munaim. Sempena perasmian ini juga turut diadakan Kempen Kitar Semula dan Katakan Tidak Pada Beg Plastik di Tapak Kitar Semula Pusat Bandar. Turut sama hadir ke majlis berkenaan, Tuan Haji Mohd Sabli bin Bakri, Pegawai Daerah; Ir Kuganeswaran a/l Nadarasa, Jurutera Daerah serta ahli Majlis.

Terdapat beberapa program yang turut diadakan seperti senamrolik bersama komuniti, pemberian pakaian terpakai kepada orang awam daripada pihak NGO Skuad Jom Bantu, pertandingan mewarna kanak-kanak dan pertandingan Beyblade. Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh.



### PROGRAM GOTONG ROYONG DAN KITAR SEMULA

5 Julai - Program Gotong-Royong 5S dan Kitar Semula ini telah berlangsung di perkarangan Wisma Majlis Daerah Kerian yang dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Helmi bin Yusof@ Jusoh. Turut hadir sama dalam program ini, Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, semua ketua jabatan dan staf MDK. Dalam program ini juga, MDK melancarkan Program Kitar Semula dengan menggunakan slogan "KATAKAN TIDAK KEPADA BEG PLASTIK, LESTARIKAN ALAM SEKITAR TANPA BEG PLASTIK".



## PROGRAM SAHABAT SUNGAI

**9 APRIL** - Pihak majlis dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik Universiti Sains Malaysia (USM) kampus Kejuruteraan Transkrian telah mengadakan satu program sahabat sungai bertempat di Pinggiran Sungai Kerian Parit Buntar.

Program yang diadakan ini bertujuan sebagai salah satu khidmat masyarakat daripada pihak USM yang melibatkan pelajar-pelajar kemasukan yang baru. Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Tuan Helmi bin Yusof@ Jusoh.

Program tersebut turut dihadiri oleh Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Baharuddin bin Abdullah, Pengurus Rancangan Program Kejuruteraan, Puan Norhafisah binti Mohamad Setiausaha Majlis dan pensyarah-pensyarah dari USM Kampus Kejuruteraan.



## SEKITAR PROGRAM KOMUNITI SAYANGI ALAM SEKITAR (KOMSAS) 2019 ANJURAN USIM

Tarikh	: 21 September 2019
Tempat	: Kuala Gula Sanctuary Resort
Tujuan	: Memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan penjagaan alam sekitar



## PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR KEM PEN KITAR SEMULA

Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Bertam telah mengadakan jelajah kesedaran alam sekitar di Pasar Awam Parit Buntar, Pasar Awam Bagan Serai, Pasar Awam Batu Lima, tapak Pekan Hari Batu Lima dan Hentian Raya Pusat Bandar.

Kempen ini dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai berkaitan penjagaan alam sekitar, kitar semula dan penggantian penggunaan beg plastik. Kempen ini bukan tertumpu kepada orang awam sahaja tetapi merangkumi peniaga-peniaga yang menyewa harta majlis.

Selain mengedarkan risalah-risalah, tayangan video juga turut dipaparkan berkaitan pengurusan sisa pepejal terutamanya di kawasan tapak pelupusan sampah milik majlis.



## SUKAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI PERAK

YB Tuan Hasnul Zulkarnain bin Abdul Munaim, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak merangkap Pengurus Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia & NGO telah merasmikan Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Negeri Perak 2019 di Stadium Perak bermula sejak 27 September 2019 hingga 6 Oktober 2019 yang dianjurkan secara gilang-gemilang biarpun dalam keadaan hujan.

Lebih 2,500 peserta yang mewakili 15 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini berentap dalam penganjuran Sukan Kerajaan Tempatan Negeri Perak. Majlis Bandaraya Ipoh telah menjadi tuan rumah pada edisi kali ini. Majlis dimulakan dengan perarakan masuk kesemua 15 kontinjen bersama maskot dengan persembahan gimik masing-masing. Selepas lagu Negaraku dan lagu kebesaran negeri dimainkan, semangat kesukanan disemarakkan dengan lagu rasmi kejohanan diikuti bacaan ikrar. Sebanyak 13 acara dipertandingkan dalam kejohanan ini melibatkan sukan bola sepak, boling padang, menembak, tenpin boling, badminton, ping pong, bola jaring, sepak takraw, sepak raga ratus, tarik tali, dart, karom dan golf. Johan bagi perbarisan perarakan masuk dimenangi oleh kontinjen dari Majlis Daerah Kerian.

Majlis Perasmian Penutup SKT Perak 2019 yang diadakan di Stadium Perak telah disempurnakan oleh Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri, YB Dato' Abu Bakar bin Said yang mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri yang turut sempat menyaksikan perlawanan akhir acara bola sepak diantara Majlis Daerah Kerian dan Majlis Bandaraya Ipoh. Pada acara penutup tersebut, turut diadakan acara penyerahan Bendera SKT Perak 2019 antara Datuk Bandar Ipoh, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim dengan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), Borhan Abdul Halim. SKT Perak 2021 bagi Edisi Ke-8 menyaksikan Taiping dipilih sebagai tuan rumah penganjuran.

Pihak pengurusan merakamkan setinggi tahniah dan syabas kepada para atlet Majlis Daerah Kerian kerana telah berjaya memperoleh tiga pingat perak bagi acara bola sepak, badminton dan boling padang serta satu pingat gangsa bagi acara menembak.



## DARI LENSA "SKT 2019"



## JELAJAH SEPAHTU REUNION

**28 Dis** - Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan MDK dan pihak Astro telah mengadakan satu perlawanan persahabatan bersama Superlawak FC yang melibatkan pelawak dan artis tempatan di Padang Sintetik Parit Buntar. Perlawanan persahabatan ini merupakan salah satu program jelajah mempromosikan Sepahtu Reunion 2020 dihadapan 3,000 orang penonton. Selain daripada kumpulan Sepahtu antara artis yang menyertai perlawanan tersebut adalah Tomok, Shah Slam, Roy Azman dan Shahril Arshad. Pihak pengurusan majlis mengucapkan setinggi tinggi penghargaan kepada pihak ASTRO kerana memilih daerah Kerian sebagai salah satu lokasi jelajah. Setiausaha Majlis Puan Norhafisah binti Mohamed bersama Encik Abdul Razak bin Ismail ahli majlis turut sama hadir menyaksikan perlawanan serta menyampaikan hadiah irungan kepada pasukan Superlawak FC.



## KARNIVAL KEUSAHAWANAN DAN KEBUDAYAAN MASYARAKAT BANJAR



**6 Okt** - Program Karnival Keusahawan dan Kebudayaan Banjar yang diadakan di Dewan Dato' Zainal Abidin Zin, Bagan Serai telah disempurnakan oleh YB. Datuk Abdul Yunus bin Jamahri, Pengurus Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Negeri Perak. Program ini merupakan kolabiasi kerjasama di antara SPRM Perak, Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, Majlis Daerah Kerian, JKR Daerah Kerian, persatuan - persatuan keusahawan dan Pertubuhan Keturunan Banjar Perak.

Turut hadir ke majlis perasmian ini ialah adalah Tuan Haji Mohd Sabli, Pegawai Daerah Kerian, Puan Norain binti Che Lob, Pengarah Penyiaran Malaysia Negeri Perak, YDH Toh Maharaja Indera Dato Haji Khairuddin bin Arshad Orang Besar Jajahan Kerian, PsK Fariza binti Omar, Ketua Unit PenMas SPRM Perak, YB Ahli Dewan Undangan Negeri DUN Selinsing dan ketua-ketua jabatan di daerah Kerian

Program ini diadakan bertujuan untuk menghimpunkan usahawan di kalangan masyarakat banjar bagi mempromosikan jenama atau produk keluaran mereka kepada orang ramai dan secara tidak langsung membantu menjana ekonomi masyarakat berkenaan. Selain itu adat masyarakat banjar seperti berpukong, makan dalam kelambu bagi pengantin baru dan makanan tradisional masyarakat banjar turut diketengahkan.

## AUDIT PEMATUHAN PERSIJILAN MS ISO 9001 : 2015

**12 November** - Pihak SIRIM telah mengadakan satu audit pematuhan MS ISO 9001 : 2015 ke atas Majlis Daerah Kerian yang diketuai oleh Encik Mohd Nasim bin Zakaria dan dibantu oleh Lt. Kol. (B) Abd. Lataf Daud. Pihak SIRIM telah mengesyorkan persijilan MS ISO 9001 : 2015 diteruskan tanpa sebarang pindaan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua anggota kerja majlis.



## LAWATAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KE DAERAH KERIAN

**25 Sept** - YB Tuan Haji Zainal Azman bin Abu Seman Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah meluangkan masa membuat lawatan kerja ke daerah Kerian. YB Setiausaha kerajaan Negeri juga sempat membuat lawatan ke tapak cadangan pembinaan kompleks pentadbiran daerah Kerian yang baru di Dennistown dan lawatan ke Pasar Awam Bagan Serai serta mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Negeri Perak.



## INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

**12 Julai** - Inspektorat Pematuhan Perlindungan Keselamatan di Majlis Daerah Kerian (MDK) telah dilaksanakan oleh pegawai dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia iaitu En. Mohd Daniel bin Jalal, Timbalan Pengarah Keselamatan dan En. Idros bin Ko. Inspektorat ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kualiti keselamatan perlindungan di MDK. Ia dilaksanakan melalui perbincangan, inspektorat dan temubual dengan anggota kerja yang terlibat.



## "TASK FORCE" TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Pihak Jabatan Penilaian telah melaksanakan "Task Force" Tunggakan Cukai Taksiran bermula dari 1 Mac 2019 sehingga 31 November 2019. Seramai 11 orang anggota kerja dan 3 orang Ahli Majlis yang terlibat dalam gerak kerja kutipan ini.

Melalui perlaksanaan "Task Force" Tunggakan Cukai Taksiran ini, pihak Majlis telah Berjaya mengutip sebanyak RM619,831.89 iaitu bersamaan 41.2% dari keseluruhan jumlah tunggakan cukai taksiran yang terlibat



## EXIT CONFERENCE PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Tarikh : 5 Julai 2019  
Kehadiran : En. Mohd Fisul bin Ismail  
Pengarah Audit Negeri Perak  
Puan Azura Wani Binti Amir Rashid  
Ketua Penolong Pengarah Audit  
Encik Shahril Erin Ezmir Bin Jamaludin  
Penolong Pengarah Audit  
Puan Herni Suriani Binti Amarzuki  
Wakil Bahagian Kerajaan Tempatan



## KURSUS LATIHAN TEKNIKAL LAMAN WEB/ PORTAL PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI PERAK

Tarikh : 14-15 November 2019  
Tempat : Bilik Alamanda  
Penceramah : Mohamad Saddam Bin Jamaluddin (PPTM MDK)



## TAKLIMAT PENGURUSAN SISTEM KOMPAUN

Tarikh : 13 Ogos 2019  
Tempat : Bilik Alamanda  
Peserta : 20 orang  
Penceramah : Megat Dahrus (Syarikat Qamar Solutions)



## TAKLIMAT KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Tarikh : 18 Disember 2019  
Peserta : Semua ketua jabatan dan pembantu tadbir  
Penceramah : Encik Mohd Daniel bin Jalal, Timbalan Pengarah Keselamatan Kerajaan, Negeri Perak



## KURSUS PENGURUSAN KESIHATAN



Tarikh : 13-14 Mei 2019  
Tempat : Bilik Alamanda  
Peserta : 20 orang  
Penceramah : En. Meor Saharizan bin. Meor Idris

## TAKLIKMAT KEFAHAMAN 5S MPC

Tarikh : 13 November 2019  
Tempat : Bilik Alamanda  
Peserta : 20 orang  
Penceramah : En. Meor Saharizan bin. Meor Idris



## KEMBARA JALUR GEMILANG PERINGKAT KEBANGSAAN



**20 OGOS** - Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2019 (KMJG2019) Peringkat Kebangsaan yang menjelajah ke seluruh negeri telah tiba di SMK Raja Lope Nor Rashid, Tanjung Piandang sebagai lokasi persinggahan pertama di negeri Perak. Konvoi yang memasuki hari ke-11 bermula dari Hotel Seri Malaysia Bayan Baru, Pulau Pinang. Para peserta konvoi yang diketuai oleh Puan Nadzerah binti Abdullah Pengarah Bahagian PKPM, Unit Kempen, Jabatan Penerangan Malaysia telah disambut oleh YB Encik Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim, Pengerusi JK Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak dan semua ketua jabatan daerah. Matlamat utama program ini diadakan bertujuan untuk menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara.

## JELAJAH KEMBARA MERDEKA PERINGKAT NEGERI PERAK



**28 OGOS** - Jabatan Penerangan Negeri Perak telah mengadakan Jelajah Kembara Merdeka peringkat negeri di seluruh daerah negeri perak. Program ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan orang ramai dan pelbagai agensi untuk mengibarkan Jalur Gemilang sama ada di kenderaan, rumah, bangunan dan premis perniagaan sepanjang Bulan Kemerdekaan ini. Pelepasan peserta konvoi disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Tuan Helmi bin Yusof@ Jusoh di perkarangan majlis Daerah Kerian. Konvoi jelajah kembara merdeka ini diketuai oleh Encik Hasan Ashaari bin Abu Bakar, Penolong Pengarah Penerangan Negeri Perak melibatkan 22 buah kenderaan.

## KERIAN INCREDIBLE DUATHLON



Tarikh	: 8 September 2019
Tempat	: Bagan Serai
Peserta	: 1000 orang

## PARIT BUNTAR KG. RUN



Tarikh	: 24 Oktober 2019
Tempat	: Ban Pecah, Tg. Piandang
Kategori	: 6KM, 12KM dan 21KM
Peserta	: 1420 orang

## BULAN SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH KERIAN



Tarikh	: 13 Oktober 2019
Tempat	: Padang Sintetik Parit Buntar
Perasmian	: YB. Encik Abdul Yunus bin Jamhari Exco Kerajaan Negeri Perak

## PERJUMPAAN BULANAN



Tarikh : 06 Ogos 2019  
Tempat : Dewan Seri Kerian  
Intipati : Kebersihan dan integriti penjawat awam



Tarikh : 27 November 2019  
Tempat : Dewan Seri Kerian  
Intipati : Majlis penghargaan kepada atlet sukan PBT 2019

## PROGRAM TURUN PADANG



Tarikh : 18 Januari 2019  
Lokasi : Taman Wawasan Parit Buntar  
Tujuan : Menyelesaikan masalah lalulintas yang menjelaskan perniagaan



Tarikh : 23 Disember 2019  
Lokasi : Jalan Pantai, Tg. Piandang  
Tujuan : Aduan pencemaran air memproses udang kering

## PROGRAM TOWNHALL



Tarikh : 21 November 2019  
Tempat : Dewan Komuniti Bagan Serai  
Tujuan : Perjumpaan bersama peniaga Gerbang Malam Bagan Serai



Tarikh : 26 Disember 2019  
Tempat : Bilik Alamanda Majlis Daerah Kerian  
Tujuan : Projek pembangunan Pasar Sejahtera Tg. Piandan

## Bersama Membudayakan Kebersihan



Tarikh : 16 Nov 2019  
Lokasi : Taman Kerian Indah  
Penglibatan: MDK, Penduduk Taman, ADUN Titi Serong



Tarikh : 16 Nov 2019  
Lokasi : Balai Lama Tg. Piandang  
Penglibatan: MDK dan PDRM



Tarikh : 5 Nov 2019  
Lokasi : Balai Polis Semanggol  
Penglibatan: MDK dan PDRM

### PENILAIAN PERTANDINGAN KECERIAAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KEBANGSAAN



Tarikh : 13 September 2019  
Auditor : 20 orang

### PANEL PENILAIAN ANUGERAH TRANSFORMASI KESELAMATAN MAKANAN MEDAN SELERA PBT (BESS)



Tarikh : 29 Ogos 2019  
Tempat : Pusat Penjaja Jalan Maharaja Bagan Serai



# KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN

## MAJLIS DAERAH KERIAN

### SENAMAN PAGI DWI BULANAN

Tarikh : 19 Julai 2019

Lokasi : perkarangan parkir MDK



### PROGRAM MEMASAK BUBUR ASYURA



Tarikh : 23 September 2019

Tempat : Tapak Parkir MDK

### PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN : GUNUNG SEMANGGOL



Tarikh : 23 Ogos 2019

Peserta : 40 orang

Intipati : Kempen Kibaran Jalur Gemilang

### PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN : PASUKAN BOLA SEPAK



Tarikh : 5 & 6 September 2019

Tempat : Dewan Kerian Permai

### SENAMAN PAGI DWI BULANAN



Tarikh : 16 Ogos 2019



Visit Truly Asia Malaysia  
2020

#VM2020

#VisitMalaysia2020

TOURISM  
MALAYSIA®

# KAWASAN PELANCONGAN DAERAH KERIAN "MAI LA KERIAN"

Ban Pecah  
Tg. Piandang



Kuala  
Gula  
Resort



Pulau  
Orang  
Utan



Bukit Merah  
Laketown



Plinggiran  
Sg. Kerian



Kuala  
Gula Bird  
Sanctuary



Tourism  
**perak**  
MALAYSIA  
World of Wonders

MAJLIS DAERAH KERIAN

NO. 1, WISMA MDK, JALAN PADANG,  
34200 PARIT BUNTAR, PERAK

TEL : 05 - 716 1228

FAKS : 05 - 716 9268

EMEL : PENTADBIRAN@MDKERIAN.GOV.MY

Dicetak oleh

ABU ZAIK MULTI TRADING  
012 400 3890  
www.abuzaikmultitrading.com